

# NFCorp nafi beli hartanah di Bangsar

KUALA LUMPUR 8 Mac - National Feedlot Corporation Sdn. Bhd., (NFCorp) hari ini menafikan dakwaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) berhubung pembelian lapan unit harta tanah komersial di Bangsar oleh ahli lembaga pengarahannya.

NFCorp dalam satu kenyataannya berkata, tuduhan itu tidak benar termasuk dakwaan yang mengaitkan pembelian tersebut menggunakan pinjaman mudah yang diberikan kerajaan.

“Kita menafikan dakwaan yang mengatakan ahli Lembaga Pengarah NFCorp telah menggunakan pinjaman mudah kerajaan untuk membeli lapan unit harta tanah komersial di Bangsar.

“Unit harta tanah itu tidak dibeli oleh NFCorp,” kata kenyataan tersebut di sini hari ini.

Semalam, Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli mendakwa Ahli Lembaga Pengarah NFCorp menggunakan pinjaman mudah oleh kerajaan bagi pembelian lapan unit harta tanah komersial di Bangsar.

Dakwa Rafizi, Pengerusi Eksekutif NFCorp, Datuk Seri Mohamad Sal-leh Ismail telah mengguna-kan kawalan ke atas da-na berkenaan untuk mendapatkan pinjaman bagi tujuan pembelian itu.